

PBD MEMBACA (SP 2.3.1)

Baca petikan di bawa ini dengan telitinya. Kemudian, kenal pasti idea utama atau idea sampingan dengan betul dan tepat.

Taman Negara Endau-Rompin merupakan kawasan hutan hujan tropika yang mempunyai keluasan 500 kilometer persegi. Kawasannya bertebing curam dan berbatu-batan. Hakisan air terjun serta jeram telah menyebabkan bentuk permukaan batunya seperti ditarah-tarah.

Antara keistimewaan Taman Negara Endau-Rompin termasuklah terdapat banyaknya air terjun dan denai kecil. Air Terjun Buaya Sangkut merupakan kawasan air terjun yang paling cantik. Air terjun ini terdiri daripada lima tingkat. Air terjun ini mampu juga mengalirkan 4.5 juta liter air seminit dari ketinggian 120 meter.

Taman negara ini kaya dengan flora dan fauna eksotik. Di sini terdapat kepelbagaian habitat dan hidupan liar yang hampir pupus. Sebagai contoh, periuk kera, durian hutan, dan orkid hutan. Taman Negara Endau-Rompin turut menjadi rumah kepada badak sumatera, harimau, gajah, kancil, rusa, dan tenuk.

Perkhemahan pula merupakan aktiviti yang paling popular di taman negara ini. Terdapat empat tapak perkhemahan yang dapat menampung kira-kira 300 orang pengunjung. Tapak-tapak perkhemahan itu terletak di Kuala Jasin, di Batu Hampar, di Upeh Guling, dan di Kuala Marong.

Idea Utama 1	
Idea Sampingan 1	
Idea Utama 2	
Idea Sampingan 2	
Idea Utama 3	
Idea Sampingan 3	